

**Umpama "rubber stamp", Pakatan tuntutan reformasi Parlimen
Malaysian Insider
Sept 23 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

Pakatan Rakyat (PR) menuntut reformasi Parlimen di negara ini kerana institusi berkenaan hanya bertindak seperti "rubber stamp", kata ahli Parlimen Padang Serai N. Surendran (gambar).

"Parlimen secara sengaja telah dilakukan supaya menjadi tidak efektif,"kata Surendran kepada pemberita ketika sidang media di lobi Parlimen hari ini.

Jelasnya lagi, tempoh notis untuk bertanyakan soalan di Parlimen yang memerlukan 14 hari bekerja sebelum sidang Dewan Rakyat berlangsung adalah tidak munasabah.

"Soalan-soalan kami akan basi bila sampai hari bersidang," katanya.

Justeru beliau telah menulis surat menuntut usul bagi meminda Peraturan Majlis Mesyuarat untuk memendekkan tempoh notis kepada dua hari sebelum soalan itu dijawab.

Sebagai tanda protes tersebut, Surendran tidak menghantar sebarang pertanyaan dan soalan ketika sidang Dewan Rakyat kali ini. – 23 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/umpama-rubber-stamp-pakatan-tuntut-reformasi-parlimen>